

EDISI TERHAD
PERCUMA

BULETIN INSTUN

OKTOBER 2022



INSTUN
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA



**PROGRAM PENEMPATAN SEMENTARA TENAGA PENCERAMAH
DALAMAN INSTUN 2022** Muka Surat 2



**LAWATAN TEKNIKAL BUP, INSTUN KE JUPEM KELANTAN DAN
TAPAK SERTA PILLAR KALIBRASI EDM DAN GNSS JUPEM KELANTAN**

Muka Surat 9



**PROGRAM PENEMPATAN SEMENTARA TENAGA PENCERAMAH
DALAMAN INSTUN 2022** Muka Surat 2



**LAWATAN TEKNIKAL BUP, INSTUN KE JUPEM KELANTAN DAN
TAPAK SERTA PILLAR KALIBRASI EDM DAN GNSS JUPEM KELANTAN**

ISSN 2600-853X



9 772600 853003

M/S 13

PENYERTAAN BUP
PADA PERTANDINGAN
SELAWAT
DAN NASYID INSTUN
TAHUN 2022

M/S 16

KURSUS
DALAM TALIAN:
COMPUTER
FORENSICS
- TME16/22

M/S 20

KURSUS KEPIMPINAN
KERJA BERPASUKAN,
JABATAN AGAMA
ISLAM WILAYAH
PERSEKUTUAN
(JAWI)

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBRS. TUAN KHAIRIN NAZRY BIN KARIM

PENASIHAT

ENCIK KHAIRIL AKHTAR BIN GHAZALI

KETUA EDITOR

ENCIK ABDUL RASHID BIN OMAR

PEREKAAN & GRAFIK

ENCIK MOHAMAD HAFIZ BIN ABDUL AZIZ

SIDANG EDITOR

UKP BPP

UKP BPPT

UKP BUP

UKP BTM

UKP INSTUN

DARI KETUA EDITOR

Syukur ke hadrat Illahi, buletin INSTUN 2022 bagi bulan Oktober telah berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin INSTUN ini adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan Oktober. Ia juga adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsi bersama tentang informasi aktiviti yang telah dijalankan selari dengan perancangan di dalam takwin INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadikan perangsang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan Aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti penyelaras buletin jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin INSTUN pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



KURSUS ASAS PENGAMBILAN TANAH PELBAGAI AGENSI BILANGAN 2

Tarikh : 18 hingga 20 Oktober 2022

Tempat : Pusat Kecemerlangan Pembangunan Tanah, INSTUN

Kursus ini telah dihadiri seramai 21 orang pegawai dari JKPTG, PTG, PDT dan pelbagai Kementerian/ Jabatan yang dari pelbagai negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus memberi pengetahuan dan kemahiran mengenai aspek pengambilan tanah. Penceramah terdiri dari pegawai dari Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah INSTUN dan juga penceramah jemputan dari JKPTG (En. Hasnan Azizul bin Mad Isa dan En. Ahmad Shahrizal bin Abdul Mubin).



LAPORAN KURSUS KHAS EKSEKUTIF PENTADBIRAN TANAH

Tarikh : 12 dan 13 Oktober 2022

Tempat : Pusat Kecemerlangan Geodetik (PKG), INSTUN

Kursus ini telah dihadiri oleh Pegawai di Pentadbiran Tanah (Gred 48 ke atas) secara bersemuka. Kehadiran para peserta seramai 15 orang. Objektif kursus ini adalah :

- Peningkatan pengetahuan dan kemahiran sebagai pembuat dasar dan keputusan.
- Persediaan perubahan sistem pentadbiran tanah dan
- Perbincangan isu semasa Pentadbiran Tanah.



PROGRAM PENEMPATAN SEMENTARA TENAGA PENCERAMAH DALAMAN INSTUN 2022

Tarikh : Sepanjang Oktober 2022

Tempat : Jabatan-jabatan Berkaitan Pentadbiran Tanah

INSTUN merupakan sebuah Institut Latihan Awam (ILA) yang menerajui latihan dalam bidang pentadbiran tanah, ukur dan pemetaan. Hala tuju INSTUN diperkemas lagi dengan pewujudan pelbagai usaha dan inisiatif bagi membentuk dan meneraju perkembangan dan kemajuan pentadbiran tanah di Malaysia.

Oleh itu, Program Penempatan Sementara Tenaga Penceramah Dalam BPPT INSTUN di pentadbiran tanah merupakan salah satu inisiatif tahunan BPPT INSTUN dalam merekayasa kebolehan tenaga penceramah dalaman. Program penempatan sementara ini membolehkan para tenaga penceramah memperolehi maklumat dan kemahiran dari pelbagai sudut dan perspektif yang berbeza mengenai isu-isu dan amalan dalam pentadbiran tanah. Pengetahuan mengenai keadaan dan situasi sebenar di pentadbiran tanah di peringkat negeri mahupun persekutuan dapat memberi nilai tambah dalam mutu penyampaian penceramah bagi kursus-kursus yang dijalankan di INSTUN kelak. Pelaksanaan program ini adalah khusus untuk tenaga penceramah dalaman di Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, INSTUN. Jumlah penyertaan tenaga penceramah dalaman yang telah dilaksanakan sepanjang Oktober 2022 adalah seramai 9 orang dengan pecahan seperti jadual berikut:

| BIL | PEGAWAI | BIDANG FOKUS/ TOPIK | JABATAN/AGENSI | TARIKH |
|-----|------------------------------------|------------------------------------------------------------------|---------------------------------|----------------------|
| 1 | NOR RAHAYU BINTI IBRAHIM | AKTA TANAH GSA 1960 | IBU PEJABAT FELDA, KUALA LUMPUR | 3 OKTOBER 2022 |
| 2 | MUHAMMAD HAZIQ SYUWARI BIN MAHAZIR | AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757) | PTG PULAU PINANG | 3 - 7 OKTOBER 2022 |
| 3 | ADAM BIN ISMAIL | PELUPUSAN TANAH (PERIZABAN & PEMBATALAN PERIZABAN) | PPTGWP KUALA LUMPUR | 17 - 21 OKTOBER 2022 |
| 4 | NORANIZAWATY BINTI YUSOF | PENGURUSAN HASIL TANAH | PDT MUALLIM | 18 - 20 OKTOBER 2022 |
| 5 | ABNORHADY BIN ABU BAKAR | PENGURUSAN HASIL TANAH | PDT MUALLIM | 18 - 20 OKTOBER 2022 |
| 6 | AZMAN BIN DALI | PENGAMBILAN TANAH DI BAWAH PERENGGAN 3(1)(a), (b) & (c) APT 1960 | PTD MELAKA TENGAH | 25 - 28 OKTOBER 2022 |
| 7 | HUZAIFAH BIN AMNAN | PENGAMBILAN TANAH DI BAWAH PERENGGAN 3(1)(a), (b) & (c) APT 1960 | JKPTG PULAU PINANG | 25 - 28 OKTOBER 2022 |
| 8 | MOHD ZOOLHALMY BIN RAZALI | JENIS-JENIS NOTIS DAN PENYAMPAIANNYA | PTD MELAKA TENGAH | 25 - 28 OKTOBER 2022 |
| 9 | SITI SURAYA BINTI ABDUL HALIL | PENGURUSAN REKOD TANAH PERSEKUTUAN | JKPTG PULAU PINANG | 25 - 28 OKTOBER 2022 |



Pegawai diberi penjelasan mengenai isu dan penyelesaian berkaitan Pelupusan Tanah (Perizaban & Pembatalan Perizaban) dari pihak Pejabat Tanah dan Galian WPKL.



Pegawai mempelajari Sistem e-Bayar yang telah dilancarkan pada 26 Mei 2022 di Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang.

Secara umum, program ini berupaya meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tenaga penceramah dalaman BPPT berhubung pemakaian, pelaksanaan dan amalan peruntukan undang-undang yang berkaitan di pentadbiran tanah berdasarkan bidang fokus yang telah ditetapkan.



Perkongsian maklumat proses-proses berkaitan pengurusan hasil tanah bersama pegawai di Pejabat Daerah & Tanah Muallim.

HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT INSTUN 2022

Tarikh : 11 hingga 20 Oktober 2022

Tempat : INSTUN

BPPT INSTUN telah memenangi 7 pingat EMAS dan 2 pingat GANGSA bagi Sukan pada tahun ini. 7 PINGAT EMAS terdiri daripada sukan seperti Petanque Wanita dan Lelaki, Mix Carom, Paling Beckham Wanita, Funminton, Netball Pro Shooter Lelaki dan Wanita, Ratu Congkak dan Raja Snooker

3 orang pegawai BPPT juga telah dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati (2 orang) iaitu :

1. Encik Azman Bin Mad Dali
2. Puan Nor Rasyidah Binti Abdul Aziz
3. Puan Puteri Ainin Sofiya Binti Mohd Afandi

Tahniah diucapkan kepada semua pegawai BPPT terutamanya pada Ketua Bahagian BPPT, Encik Zulhasmi bin Mohamad yang telah memberi sokongan penuh dan padu pada semua pemain BPPT. Tanpa sokongan tuan, mungkin kejayaan sebegini tak mampu digapai. Terima kasih tuan dan terima kasih juga buat semua warga BPPT yang berjuang bersama sehingga BPPT dinobatkan sebagai JUARA !

Segala pingat disampaikan pada semua pemain semasa hari Penutup Sukan Negara peringkat INSTUN 2022. Pengarah INSTUN, Tuan Khairin Nazry juga turut berkenan merasmikan majlis penutup sukan ini. Semangat kesukanan yang tinggi telah membuatkan BPPT berjaya merangkul Piala Pusingan pada tahun ini dan merupakan JUARA keseluruhan. Alhamdulillah dan sekali lagi TAHNIAH. Semoga kejayaan kita dalam sukan akan dapat dikekalkan di tahun-tahun akan datang. Insyaa-Allah... Amin



PENYERTAAN DAN PENCAPAIAN BPPT DALAM HARI INOVASI INSTUN 2022

Tarikh : 20 Oktober 2022

Tempat : Auditorium INSTUN

Hari inovasi INSTUN adalah program saban tahun untuk mengangkat dan menghargai penyertaan di kalangan warga INSTUN dalam mempertingkatkan korpius keilmuan dalam penyertaan penulisan penyelidikan, penulisan artikel, penyediaan e-poster penyelidikan dan penciptaan eureka.

Bagi tahun 2022, BPPT telah berjaya merangkul kejayaan dalam acara dipertandingkan. Ringkasan keputusan dan pencapaian BPPT dalam Hari Inovasi INSTUN 2022 adalah seperti berikut:

JOHAN – PENULISAN PENYELIDIKAN 2022

“Kajian Pelaksanaan Cukai Petak: Kajian Kes di WPKL”

- En Zulhasmi bin Mohamad
- En Muhammad Haziq Syuwari bin Mahazir
- En Ahmad Kamal Ihsan bin Anuar
- En Ahmad Adam bin Ismail
- En Huzaifah bin Amnan

JOHAN – PENULISAN ARTIKEL

- Pn Siti Suraya binti Abdul Halil

JOHAN – E-POSTER PENYELIDIKAN

- En Zulhasmi bin Mohamad

SAGUHATI PENULISAN ARTIKEL (SEMUA WARGA BPPT)

SAGUHATI PENCIPTAAN UEREKA

- Kumpulan Hairan
- Kumpulan Misteri

SAGUHATI E-POSTER PENYELIDIKAN

- En Muhammad Haziq Syuwari bin Mahazir



“SEMBANG TANAH!” FACEBOOK LIVE BIL.5/2022

Tarikh : 26 Oktober 2022

Tempat : Bilik Studio, Perpustakaan INSTUN

Sembang Tanah kembali lagi bersama panel yang dihormati Puan Nor Rahayu Binti Ibrahim dan berganding bersama moderator yang begitu dikenali Encik Azfaizan Bin Ahmad Sarkawi. Gandingan kali ini dengan kupasan topik yang sungguh menarik perhatian semua penonton iaitu “Mengenali Akta Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Berkelompok) 1960”.

Sepanjang “Sembang Tanah” berlangsung, tidak berhenti moderator mengajukan soalan pada panel dan salah satu soalan yang ditanya adalah “Tujuan Akta Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 digubal?”. Di sini panel menerangkan dengan terperinci seperti yang ada dengar iaitu “Tujuan Akta Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Berkelompok) 1960” digubal adalah bagi menyeragamkan undang-undang serta dasar dengan penubuhan kawasan penempatan berkelompok dan syarat pemberimilikan dan penghunian di kawasan itu dan bagi perkara yang bersampingan dengannya serta pelaksanaannya bagi semua negeri di semenanjung iaitu dari segi polisi/dasar serta kuasa eksekutif yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Oleh itu, topik ini menjadi perhatian penjawat awam juga orang awam sendiri. Nantikan untuk sambungan Sembang Tanah seterusnya dengan topik-topik yang menarik.

TUJUAN PENGGUBALAN AKTA GSA 1960

1. Menyegerakan pembukaan tanah kawasan luar bandar
2. Menyelaraskan dasar dan polisi pembukaan tanah baru
3. Mendapatkan kerjasama daripada Pihak berkuasa Negeri (PBN)
4. Memberi tanah kepada seseorang dengan cara ekonomik
5. Menyediakan kemudahan asas dan bantuan tertentu di kawasan tanah rancangan

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN TANAH DAN SUMBER AIR

SEMBANG TANAH!

Mengenali Akta Tanah
(Kawasan-kawasan Penempatan Berkelompok)
1960

Nor Rahayu Binti Ibrahim
Panel

Azfaizan Bin Ahmad Sarkawi
Moderator

OKTOBER 26 10.30 PAGI

f LIVE INSTUN



PERSIDANGAN STATISTIK MALAYSIA (MYSTATS) 2022

Tarikh : 5 Oktober 2022


Tempat : Institut Latihan Statistik Malaysia, Sungkai Perak

Persidangan Statistik Malaysia (MyStats) 2022, adalah program tahunan anjuran bersama Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Institut Statistik Malaysia (ISM). Program ini telah mula dianjurkan sejak 2012 dan telah berjaya dianjurkan setiap tahun kecuali tahun 2014 dan 2019. Persidangan ini dianjurkan bagi membincangkan analisis dan penemuan data terkini disamping bertukar pandangan dan idea dikalangan ahli akademik, penyelidik, pakar statistik dan pengguna data mengenai cabaran pengumpulan, penggunaan dan pembentangan statistik rasmi negara.

Tema yang telah dipilih bagi persidangan pada tahun ini adalah "Mendepani Ketidakpastian : Merungkai Strategi Pemulihan. Persidangan ini telah dihadiri oleh seramai 200 orang peserta dari pelbagai agensi kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, pejabat daerah dan tanah dan Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.

Selain daripada persidangan ini, program sampingan lain turut dijalankan iaitu pembentangan oleh ahli statistik muda (IPTA dan DOSM), pameran dan pembentangan poster penyelidikan serta kursus pendek.

Wakil INSTUN dapat melihat sendiri aspek penganjuran program besar seperti persidangan ini bagi menambah pengalaman dalam aspek penganjuran program berskala besar di INSTUN nanti.



PROGRAM E-SPRIT DE CORP BPPT 2022

Tempat: UPSI Adventure Park, UPSI

e-Spirit de Corps adalah frasa dalam Bahasa Inggeris bermaksud *"a feeling of loyalty, fellowship shared by members of a particular group"*. Diterjemahkan dalam bahasa Melayu sebagai perasaan setia dikongsi ahli kumpulan atau semangat kumpulan (pasukan).

Hubungan silaturahim dan persefahaman membolehkan semua pegawai dan kakitangan BPPT untuk bekerjasama antara satu sama lain dan mewujudkan suasana bekerja yang kondusif melalui persefahaman yang tinggi dan secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti kerja.

UPSI Adventure Park dipilih sebagai destinasi bagi program ini memandangkan tempat tersebut lengkap dengan kemudahan-kemudahan dan aktiviti-aktiviti berpasukan yang dicadangkan. Untuk tahun ini, BPPT didedahkan dengan outdoor aktiviti seperti *flying fox, repelling, rock climbing, kayak* dan *obstacles* (halangan bertali).



SESI PENILAIAN PERSEMBAHAN MENTEE BPPT BIL 4 DAN 5 /2022

Tarikh: 11 dan 14 Oktober 2022

Tempat : Bilik Latihan INTAN, Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, INSTUN

Sesi ini telah dihadiri seramai 19 orang kakitangan dari Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah. Objektif sesi penilaian ini adalah untuk melahirkan dan membangunkan tenaga pengajar dalaman yang kompeten untuk melaksanakan tugas menyampaikan ilmu dengan lebih cemerlang.

Mentee yang terlibat adalah seperti berikut:-

En. Abnorhady Bin Abu Bakar
Notis Di Bawah KTN dan Tatacara Penyampaiannya.

En. Mohd Zoolhalmy Bin Razali
Peranan dan Tanggungjawab Penghantar Notis.

En. Adam Bin Ismail
Pecah Sempadan, Pecah Sempadan dan Tukar Syarat Serentak.

Setiap mentee akan dinilai persembahan mereka dan diberikan pemarkahan oleh mentor dan barisan panel yang terlibat. Mentee-mentee yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan akan diperakukan untuk menyampaikan ceramah bagi tajuk yang telah dipilih. Tahniah kepada para mentee kerana telah berjaya menyampaikan topik dengan baik dan teruskan membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.



LAWATAN TEKNIKAL BUP, INSTUN KE JUPEM KELANTAN DAN TAPAK SERTA PILLAR KALIBRASI EDM DAN GNSS JUPEM KELANTAN

Tarikh: 3 dan 4 Oktober 2022

Satu lawatan teknikal ke JUPEM Kelantan & tapak serta pillar kalibrasi EDM dan GNSS di Mukim Gong Datuk Timur, Pasir Puteh, Kelantan. Lawatan ini melibatkan enam (6) orang Pegawai Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP), INSTUN.

Wakil JUPEM yang turut serta dalam lawatan teknikal ini adalah Sr Jamil Faisal bin Yusoff, Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Kelantan, Sr Ab Rahman bin Mohd Zin, Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan I, JUPEM Kelantan, Sr Shahrman bin Ismail, Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan II, JUPEM Kelantan, Juruukur Jajahan serta Pegawai dan Kakitangan JUPEM Kelantan.

Lawatan ini bertujuan untuk melihat secara fizikal tapak serta pillar kalibrasi EDM dan GNSS kendalian JUPEM Kelantan dan juga mempelajari teknik pengoperasian pillar kalibrasi EDM dan GNSS JUPEM Kelantan. Terima kasih semua pihak yang terlibat pada sesi lawatan ini.




KURSUS PENGENALAN GLOBAL NAVIGATION SATELLITE SYSTEM (GNSS) (UGE05/22)

Tarikh: 6 Oktober 2022

Metodologi kursus ini adalah secara teori sepenuhnya. Objektif kursus adalah memberi pendedahan asas kepada sistem dan pengendalian peralatan Global Navigation Satellite System (GNSS). Penceramah bagi kursus ini ialah tenaga pengajar dalaman INSTUN iaitu Sr Norfariza binti Zainal. Pada kursus ini, terdapat empat (4) slot kursus seperti berikut:-

- Slot 1 : Pengenalan GNSS
- Slot 2 : Pengenalan Sistem Koordinat dalam GNSS
- Slot 3 : Pengenalan Kaedah Pengukuran dalam GNSS
- Slot 4 : Pengenalan Peralatan GNSS

Diakhir kursus, peserta telah menjawab soalan kuiz kefahaman kursus yang merupakan syarat wajib dalam penyempurnaan kursus. Terima kasih semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kursus ini.



SESI SEND-OFF KETUA BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN, INSTUN

Tarikh: 7 Oktober 2022

Sesi send-off Sr Ahmad Azmi bin Hashim, PMC telah diadakan pada 7 Oktober 2022 (Jumaat) di Perkarangan Anjung INSTUN. Sesi ini turut dihadiri YBr. Tuan Khairin Nazry bin Karim (Pegawai INSTUN), Ketua-ketua Bahagian INSTUN, Pendaftar INSTUN dan Warga INSTUN.

Selamat maju jaya diucapkan kepada Sr Ahmad Azmi bin Hashim, PMC yang bersara paksa bermula pada 7 Oktober 2022. Setinggi-tinggi penghargaan di atas segala khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang 39 perkhidmatan beliau sebagai Penjawat Awam. Selamat menempuh alam persaraan dan semoga tuan terus berjaya dalam segala bidang.



PENYERTAAN DAN KEJAYAAN PEGAWAI BUP PADA PERTANDINGAN PIDATO BERSEMPENA DENGAN DEKAD BAHASA KEBANGSAAN (DBK) 2022

Tarikh: 7 Oktober 2022

Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) telah menganjurkan Pertandingan Pidato bersempena dengan Dekad Bahasa Kebangsaan 2022 yang diadakan bertempat di Dewan Baiduri, KeTSA Putrajaya.

Pertandingan ini terbuka kepada semua Warga KeTSA/ Jabatan/ Agensi. INSTUN telah sertai oleh seorang Pegawai dari BUP iaitu Sr Khadijah binti Sahdan dengan tajuk pidatonya "Hutan kita, kehidupan kita".Tahniah diucapkan kepada beliau kerana mendapat tempat saguhati ke-5 pada pertandingan ini. Hadiah dan sijil penyertaan telah disampaikan oleh YBr. Tuan Ahmad bin Tuan Wil, Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan) KeTSA. Warga INSTUN berbangga atas pencapaian ini dan semoga terus maju jaya.



PENYERTAAN PEGAWAI BUP INSTUN DI HARI SUKAN NEGARA (HSN) KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI (KETSAS)

Tarikh: 8 Oktober 2022

Sambutan Hari Sukan Negara (HSN) KeTSA telah dijalankan secara fizikal bermula pada 8 Oktober 2022 di Putrajaya. Pelbagai acara telah dipertandingkan yang disertai oleh Jabatan/Agensi dibawah KeTSA. HSN 2022 KeTSA telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' KSU KeTSA.

Pegawai dan Kakitangan BUP yang turut terlibat dalam HSN KeTSA 2022 pada 8 Oktober 2022. Antaranya seperti berikut:-

- i. Pengacara Majlis Perasmian HSN 2022
- Sr. Siti Arifah binti Abdul Kader
- ii. Pertandingan Ping Pong
- En. Mohd A'bduh bin Jailani
- iii. Pertandingan Treasure Hunt
- En. Azahar Riza bin Omar



Tahniah diatas penyertaan Kakitangan INSTUN pada HSN KeTSA 2022. Semoga terus maju jaya.



JEMPUTAN TENAGA PENGAJAR BUP OLEH ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM) PULAU PINANG BAGI KURSUS ASAS PENGENDALIAN UAV

Tarikh: 11-13 Oktober 2022

Tenaga Pengajar BUP telah menerima jemputan dari Angkatan Pertahanan Awam (APM) Pulau Pinang bagi memberi kursus berkaitan Pengendalian Unmanned Aerial Vehicle (UAV). Kursus yang berlangsung selama tiga (3) hari ini telah dihadiri oleh 10 orang anggota APM yang terdiri daripada pelbagai pangkat bagi mempelajari asas pengendalian dan pengoperasian UAV yang digunakan dalam tugas pertahanan awam.

Pada sesi penutup kursus, turut hadir ialah Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Kol. (PA) Ishak bin Mohd Radzi. Semoga dengan penganjuran kursus ini sedikit sebanyak dapat memberi pendedahan dan kefahaman berkaitan pengendalian dan pengoperasian UAV kepada semua peserta.



PENYERTAAN DAN KEJAYAAN BUP PADA PERTANDINGAN HARI INOVASI INSTUN 2022

Tarikh: 19 Oktober 2022

INSTUN telah menganjurkan Majlis Perhimpunan Bulanan & Hari Inovasi INSTUN tahun 2022 yang diadakan di Auditorium INSTUN. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Pegawai dan Kakitangan BUP yang telah menyertai pelbagai pertandingan anjuran Hari Inovasi INSTUN tahun 2022 dan sekali gus mendapat tempat pada pertandingan berkenaan. Berikut merupakan senarai pemenang Pegawai dan Kakitangan BUP:-

Penulisan Artikel

JOHAN : Sr Fazili Anuar bin Md. Yusuf
TEMPAT KE-3 : Sr Ahmad bin Omar, Sr Ismail bin Ibrahim
SAGUHATI : Sr Fauzani binti Azam, Sr Zakaria bin Abdullah,
Sr Nor Mahani binti Ibrahim, Sr Siti Arifah binti Abdul Kader,
Sr Norfariza binti Zainal, Sr Khadijah binti Sahdan

Penulisan Penyelidikan

TEMPAT KE-3 : Seksyen Pemetaan, BUP
Tajuk : Comparison Between Unmanned Aerial Vehicle (UAV) and Terrestrial Laser Scanning (TLS) Technologies for Building Surveying

Poster Penyelidikan/ Ilmiah

NAIB JOHAN – Sr Siti Arifah binti Abdul Kader
SAGUHATI – Sr Khadijah binti Sahdan, Pn. Noor Alifah binti Abd. Hamid

Tahniah diucapkan kepada semua Pegawai dan Kakitangan BUP yang telah mendapat tempat pada pertandingan-pertandingan anjuran Hari Inovasi INSTUN tahun 2022.



PENYERTAAN BUP PADA ACARA SUKAN SEMPERA SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT INSTUN

Tarikh: 20 Oktober 2022

INSTUN dibawah seliaan Kelab INSTUN telah menganjurkan beberapa pertandingan sempena Hari Sukan Negara (HSN) sepanjang bulan Oktober 2022. Pegawai dan Kakitangan BUP turut mengambil bahagian pada pertandingan-pertandingan di HSN INSTUN 2022. Secara keseluruhan, BUP menduduki tempat ke-3 pada HSN INSTUN 2022.



PENYERTAAN BUP PADA PERTANDINGAN SELAWAT DAN NASYID INSTUN TAHUN 2022

Tarikh : 21 Oktober 2022

INSTUN dibawah seliaan Seksyen Hal Ehwal Islam telah menganjurkan Pertandingan Selawat dan Nasyid yang bertempat di Auditorium INSTUN. Sejumlah 11 penyertaan terdiri daripada setiap Bahagian di INSTUN telah mengambil tempat pertandingan ini.

Sekalung tahniah diucapkan kepada Pegawai dan Kakitangan Wanita BUP yang telah mendapat Johan pada Pertandingan Nasyid INSTUN tahun 2022 bagi kategori wanita. Secara ringkas, konsep persembahan kumpulan Shifwah adalah dimulakan dengan alunan bacaan suci Al-Quran dari Surah Al Ahzab. Kemudiannya, diteruskan dengan selawat Jibril. Setelah itu, lagu nasyid yang dipilih ialah bertajuk 'Dia Kekasih Allah'.

Manakala kumpulan nasyid lelaki BUP telah mendapat tempat ke-4 pada pertandingan ini. Hadiah pertandingan telah disampaikan oleh YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN.



SEMAKAN KESESUAIAN UFUK BERSAMA INSTUN DAN BAHAGIAN UKUR GEODETIK, JUPEM SEMASA PEMBINAAN BALAI CERAP INSTUN

Tarikh : 21 Oktober 2022

Semakan secara fizikal dengan penggunaan peralatan ukur bagi kesesuaian ufuk telah dilaksanakan pada hari ini oleh pasukan INSTUN (Pasukan Pelaksana Projek BUP) dan JUPEM (Bahagian Ukur Geodetik) di tapak Balai Cerap INSTUN.

Beberapa aktiviti telah dilaksanakan bagi mengenalpasti sekiranya terdapat halangan dan gangguan di bahagian ufuk serta persekitaran tapak Balai Cerap yang boleh menjejaskan aktiviti falak di lokasi tersebut. Antara aktiviti yang dilakukan ialah:-

- a) Melaksanakan cerapan matahari untuk permulaan kerja pengukuran
- b) Merekod nilai azimuth dan altitude bagi objek-objek yang menghalang pandangan ufuk timur dan barat
- c) Merekod perbezaan antara data cerapan matahari berbanding data rukyah hitungan

Hasil kajian ini adalah dalam semakan dan pengiraan oleh pasukan INSTUN dan JUPEM. Terima kasih kepada Bahagian Ukur Geodetik JUPEM yang membantu dalam kerja-kerja semakan ufuk bersama Pasukan Pelaksana Projek BUP.



RAKAMAN DAN SUNTINGAN VIDEO : DSLR/DRONE (TM15/22)


Tarikh : 18 – 20 Oktober 2022

Tempat : Pusat Kecemerlangan Multimedia, INSTUN

Rakaman Dan Suntingan Video : DSLR/Drone (TM15/22) merupakan salah satu kursus anjuran BTM yang terdapat dalam perancangan takwim latihan INSTUN bagi tahun 2022 di bawah bidang REKABENTUK GRAFIK (IMEJ DIGITAL).

Kursus ini telah melibatkan seramai 16 orang peserta berdaftar dari pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan. Mereka telah memberikan sepenuh komitmen dan menunjukkan kesungguhan yang tinggi dari awal kursus berlangsung sehingga kursus tamat. Kursus ini dilaksanakan sepenuhnya secara bersemuka yang melibatkan penyampaian teori dan praktikal.

Objektif kursus ini adalah mempelajari dan mengaplikasi proses suntingan klip seperti menyusun dan memotong klip, menambah efek, teks dan rendering dan menghasilkan satu plot video lengkap. Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah jemputan daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) iaitu En. Arizan bin Ali dan Puan Siti Khalijah binti Mahmud selaku fasilitator dan barisan penceramah daripada Bahagian Ukur dan Pemetaan serta barisan Urus Setia dari Bahagian Teknologi Maklumat INSTUN serta semua peserta kursus yang telah menjayakan kursus ini.



KURSUS SISTEM PENDAFTARAN TANAH BERKOMPUTER (SPTB) DAN SECURED LAND MANAGEMENT SYSTEM (SELAMAT) VERSI 5.0 (PINDAAN KANUN TANAH NEGARA 2016) (TM07/22)

Tarikh : 19 - 21 Oktober 2021


Tempat : INSTUN

Kursus Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) dan Secured Land Management System (SELAMAT) Versi 5.0 (Pindaan Kanun Tanah Negara 2016) (TM07/22) merupakan salah satu kursus anjuran bersama (JKPTG dan INSTUN) yang terdapat dalam perancangan takwim latihan INSTUN bagi tahun 2022 di bawah kategori JKPTG. Kursus ini dilaksanakan selama dua (3) hari, iaitu pada 19 sehingga 21 Oktober 2022.

Kursus ini telah melibatkan seramai 7 orang peserta berdaftar yang melibatkan Pegawai dan kakitangan di Pejabat Tanah dan Galian Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan (Labuan / Putrajaya) dan Pejabat Tanah dan Daerah / Jajahan Semenanjung Malaysia. Mereka telah memberikan sepenuh komitmen dan menunjukkan kesungguhan yang tinggi dari awal kursus berlangsung sehingga kursus tamat. Kursus ini dilaksanakan sepenuhnya secara bersemuka di Pusat kecemerlangan Tanah, Blok Akademik B yang melibatkan penyampaian teori secara ceramah dan latih amal (hands-on lab) yang turut disertai oleh semua peserta dengan bimbingan Penceramah dan Fasilitator.

Objektif kursus ini adalah kepada pendedahan kepada perubahan di dalam Pindaan Kanun Tanah Negara 2016. Meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan penggunaan sistem beserta urusan pendaftaran hakmilik, urusan niaga, bukan urusan niaga, nota dan nota terlibat termasuk BETUL 380. Memahami konsep urusan yang melibatkan pindaan Kanun Tanah Negara 2016. Memahami Akta Notis Penyitaan Hakmilik termasuk dengan pindaan terhadap Carian Rasmi dan Persendirian Hakmilik. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan Sistem SELAMAT enggan teknologi Biometrik. Di akhir kursus, peserta kursus SPTB dan SELAMAT dapat memahami aliran proses kerja melalui sistem sepenuhnya.

Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah dari JKPTG, Encik Mohd Redzuan bin Hassan, fasilitator dari JKPTG Puan Norfaizah binti Rosli, barisan Urus Setia dari Bahagian Teknologi Maklumat INSTUN serta semua peserta kursus yang telah menjayakan kursus ini.



KURSUS DALAM TALIAN: COMPUTER FORENSICS – TME16/22

Tarikh : 27 - 28 Oktober 2022

Tempat : Secara Dalam Talian (Zoom Meeting)

Kursus yang dihadiri seramai 58 orang peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan di pelbagai kementerian/ jabatan/ agensi/ badan berkanun/ syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta. Terbuka kepada semua skim. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai kaedah forensik digital ketika menjalankan tugas dan menerangkan kaedah memperoleh dan memelihara bukti digital di tempat kejadian jenayah. Disamping itu juga kursus ini dapat mengetahui tentang media digital terkini dan sistem penyimpanan serta alat forensik.

Penceramah kursus ini ialah Encik Azman bin Hashim daripada Putra Inteltek International College. Kursus ini dilaksanakan secara dalam talian menggunakan pelantar Zoom Meeting dan metodologi adalah secara syarahan. Kursus ini berjaya dilaksanakan selama dua (2) hari secara dalam talian bermula 27 hingga 28 Oktober 2022.

Komitmen yang diberikan oleh penceramah dan peserta sepanjang kursus ini berlangsung adalah amat baik dan pengurusan penyelarasan bersama peserta sangat membantu dalam kerjasama yang diberikan.



PROGRAM INDAH BAHASA INDAH BUDAYA SEMPENA BULAN BAHASA KEBANGSAAN INSTUN TAHUN 2022

Tarikh : 6 Oktober 2022

Tempat : Auditorium INSTUN

PENCERAMAH :

1. Prof. Madya Dr. Samsudin bin Suhaili, Pensyarah Kanan Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
2. Prof. Madya Dr. Norliza binti Jamaluddin, Pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak.

Pada setiap bulan Oktober, kita akan menyambut sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan yang digerakkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan diisi dengan pelbagai program di seluruh negara. Tujuan utama pelaksanaan program ini adalah untuk mendidik masyarakat berbilang bangsa khususnya di Malaysia agar dapat menyemarakkan dan seterusnya memartabatkan bahasa kebangsaan negara tersebut dalam pelbagai aspek dan bidang yang boleh memaju ke arah kelestarian Bahasa Melayu sebagai bahasa kelas dunia yang praktikal dan realistik.

Antara objektif program adalah mewujudkan budaya berbahasa yang baik dalam kalangan warga INSTUN dan memberi ruang kepada warga untuk menyampaikan maklumat dengan teratur, tepat dan berkesan; sesuai dengan keperluan pentingnya penguasaan bahasa yang berkualiti dalam kehidupan seharian dan mendedahkan keunikan bahasa dari pelbagai aspek di kalangan warga INSTUN.



SAMBUTAN MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN & HARI INOVASI INSTUN TAHUN 2022

Tarikh : 19 Oktober 2022

Tempat : Auditorium, INSTUN

INSTUN sekali lagi telah menyambut Hari Inovasi bagi tahun 2022 dalam usaha untuk menyemarakkan semangat inovasi di kalangan kakitangan INSTUN secara keseluruhannya. Inovasi atau pembaharuan adalah antara elemen penting dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa berada pada tahap cemerlang.

Pada tahun ini, sebanyak 4 kategori telah dipertandingkan iaitu Anugerah Penulisan Penyelidikan, Anugerah Penulisan Artikel, Anugerah Penciptaan Poster Penyelidikan/ Ilmiah dan Anugerah Pertandingan Eureka. Kesemua anugerah ini telah dipertandingkan bermula seawal bulan Mac 2022 sehinggalah tarikh tutup pada 30 Ogos 2022.

Penglibatan dalam kategori-kategori yang dipertandingkan berupaya meningkatkan mutu kemahiran dan kepakaran dalam bidang tugas harian disamping menghasilkan cetusan-cetusan idea yang mampu membawa INSTUN kearah lebih berprestij.

Selain meraikan penerima-penerima anugerah yang dipertandingkan, majlis ini juga turut diselitkan dengan sesi agenda perhimpunan bulanan INSTUN. Encik Khairil bin Akhtar, Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan turut membuat perkongsian bertemakan pengundian pilihan raya kepada warga INSTUN. Seterusnya, Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN telah merasmikan sambutan Hari Inovasi INSTUN tahun 2022 dan diikuti dengan tayangan montaj dan gimik pelancaran.




PERTANDINGAN SELAWAT DAN NASYID SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT INSTUN

Tarikh : 21 Oktober 2022

Tempat : Auditorium, INSTUN

INSTUN telah berjaya mengadakan pertandingan selawat dan nasyid sempena Sambutan Maulidur Rasul peringkat jabatan.

Perasmian majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN. Terima kasih diucapkan kepada semua peserta yang telah turutserta dalam pertandingan ini. Tahniah diucapkan jua kepada Bahagian Ukur dan Pemetaan atas kejayaan dinobatkan sebagai Juara bagi kategori wanita dan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan telah dinobatkan sebagai Juara bagi kategori lelaki.



KURSUS KEPIMPINAN KERJA BERPASUKAN, JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (JAWI)

Tarikh : 28 Oktober 2022

Tempat : INSTUN

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah menerima permohonan MyTC daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 27 – 28 Oktober 2022. Seramai 110 orang peserta telah mengikuti Kursus Kepimpinan Kerja Berpasukan. Program diadakan dalam dua jenis aktiviti iaitu aktiviti indoor dan outdoor. Antara pengisian bagi aktiviti outdoor adalah jungle tracking, berjalan merentas sungai, asas kemahiran ikhtiar hidup, kaedah wudhu kritikal dan beberapa aktiviti kerja berkumpulan.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA ROMBONGAN KULLIYAH SENIBINA DAN REKABENTUK ALAM SEKITAR, UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

Tarikh : 27 Oktober 2022

Tempat : INSTUN

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah menerima kunjungan hormat daripada Rombongan Kulliyah Senibina dan Rekabentuk Alam Sekitar, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Seramai lima (5) kakitangan UIA telah hadir ke INSTUN dan diketuai oleh YBrs. Dr. Lokman Hakim bin Mahmud, Ketua Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, UIA.

Kunjungan ini diadakan bagi mencari peluang untuk berkolaborasi serta kerjasama antara INSTUN dan UIA. Selain itu, UIA turut mencari lokasi yang bersesuaian bagi mengadakan program khemah ibadat pada November ini. Pihak rombongan telah meninjau asrama, bilik kuliah serta surau INSTUN bagi tujuan tersebut.



KARNIVAL KeTSA @ KB PRIHATIN

Tarikh : 15 Oktober 2022

Tempat : Kota Bharu, Kelantan.

Alhamdulillah INSTUN berjaya turut serta Karnival KeTSA @ KB Prihatin di Lembah Sireh Kota Bharu, Kelantan. Sepanjang Karnival ini berlangsung selama 3 hari bermula 13 - 15 Oktober, INSTUN telah membuka booth pameran bagi meuar-uarkan kursus dalaman INSTUN bagi tahun semasa dan tahun hadapan.

Pada hari ketiga karnival, YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan, Menteri Caretaker KeTSA telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Karnival KeTSA ini. KeTSA telah berjaya mengadakan karnival ini dengan penuh meriah dengan kehadiran warga Kota Bharu yang amat menggalakkan.



PROGRAM KARNIVAL SUKAN INSTUN SEMPENA HARI SUKAN NEGARA 2022

Tarikh : 11 – 20 Oktober 2022

Tempat : INSTUN

Aktiviti Sukan

- 1) Chess
- 2) Ratu congkak
- 3) Raja Snooker
- 4) Petanque
- 5) Mix Dart
- 6) Mix Karom
- 7) Netball Pro Shooter
- 8) Paling Beckham
- 9) Pemberunning





Program ini adalah anjuran hasil kerjasama antara INSTUN dan Kelab dalam menjayakan aktiviti sukan dalaman. Sempena menyambut Hari Sukan Negara pihak Biro Sukan dan Rekreasi mengadakan sukan-sukan yang boleh disertai oleh semua Bahagian yang terdiri seperti berikut

- a) Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (PNK)
- b) Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP)
- c) Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT)
- d) Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (RND)
- e) Bahagian Teknologi Maklumat (BTM)

Di samping itu, pihak Biro Sukan dan Rekreasi telah membuat sedikit perubahan jenis sukan yang dipertandingkan pada tahun 2022 bagi memberikan galakan kepada semua warga INSTUN untuk menyertai. Justeru, kesemua sukan yang dipertandingkan mendapat sambutan yang amat mengalakkan dan sokongan dikalangan semua warga INSTUN. Oleh itu, sukan-sukan yang dipertandingkan ini juga dapat mencungkil bakat-bakat baru dikalangan warga INSTUN untuk menyertai sukan-sukan yang akan dipertandingkan di peringkat kementerian dan jabatan.





Kelebihan Dan Kebaikan Program

- Memastikan semua peserta mendapat manfaat daripada sudut kesihatan dan dijadikan aktiviti ini sebagai aktiviti harian.
- Sentiasa peka akan masalah kesihatan jika mengekalkan aktiviti sebagai aktiviti harian akan memberi impak yang positif.
- Mengurangkan stres dan mengeratkan silaturrahim dikalangan kakitangan.
- Bersukan dapat menjamin kesihatan yang baik dan menguatkan ukhwah dikalangan kakitangan.
- Memberi penekanan bahawa Hari Sukan Negara ini memberi impak yang positif dalam menggalakkan orang ramai untuk beriadah.



Secara keseluruhan program sukan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada semua peserta dan menerima maklumbalas yang positif. Pihak pelaksana program amat berterima kasih kepada semua yang terlibat termasuk AJK Kelab INSTUN, Jawatankuasa induk dan kecil dan tidak lupa juga kepada Penaung yang merealisasikan pelaksanaan program ini. Terdapat banyak impak yang positif melalui program ini adalah seperti berikut :

- Mewujudkan semangat yang harmoni di kalangan peserta
- Mewujudkan ukhwah yang rapat antara satu sama lain
- Dapat menanam sifat bersenam di kalangan peserta
- Menjadikan aktiviti ini sebagai riadah yang berpanjangan